



22 Feb 2019

Berita Harian, Malaysia

Author: Suhaila Shahrul Annuar, Fazrik Kamarudin • Section: Nasional • Page: 1,9  
Printed Size: 921.00cm<sup>2</sup> • Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color  
ASR: MYR 31,747.66 • Item ID: MY0035189675

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT,  
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.  
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: setakohuongor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 3





RUGI RM500 JUTA URUS NIAGA TUKAR TANAH

# Hasil siasatan 2 projek diserah kepada SPRM

Ada campur tangan politik keterlaluan, kecuaian tadbir urus

Oleh Suhaila Shahrul Annuar, Fazrik Kamarudin  
bhnews@bh.com.my

Putrajaya

Kementerian Pertahanan membuat laporan dan menyerahterahkan hasil siasatan urus niaga daripada 16 projek land swap (tukar tanah) berlaku di tanah milik kementerian itu yang menyebabkan kerugian besar kepada kerajaan selain mengancam kepentingan strategik pertahanan negara.

Laporan dan penyerahan hasil siasatan dibuat oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Kepada Menteri Pertahanan, Mohd Nasaee Ismail di Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) semalam, supaya suruhjanaya itu menyiasat pihak berkaitan, terutama dalam pentadbiran lalu yang terbit di bawah kerugian besar kepada kerajaan selain mengancam kepentingan strategik pertahanan negara.

Laporan dan penyerahan hasil siasatan dibuat oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Kepada Menteri Pertahanan, Mohd Nasaee Ismail di Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) semalam, supaya suruhjanaya itu menyiasat pihak berkaitan, terutama dalam pentadbiran lalu yang terbit secara langsung dalam memutuskan projek berkenaan.

Katanya, dua projek land swap itu membabitkan pembinaan Kem Paloh di Johor dan Kem Hutan Melintang di Perak.

Beliau menjelaskan, kedua-dua projek itu dijalankan oleh pihak swasta hasil pertukaran tanah tapak Kem Kinrara di Selangor dan Kem Rasah di Negeri Sembilan.

Terdapat campur tangan politik keterlaluan dan kecuaian tadbir urus dalam pelaksanaan kedua-dua projek ini yang menyebabkan kerugian besar kepada kerajaan.

"Pembinaan Kem Paloh dan Kem Hutan Melintang tidak termasuk dalam perancangan pihak Kementerian Pertahanan dalam Rancangan Malaysia ke-11 (RMKe-11), namun arahan dikeluarkan untuk membina kedua-dua kem itu atas faktor politik."

"Pada asalnya, Kementerian Pertahanan pada ketika itu merancang untuk membina Kem 1 Briged di Port Dickson sebagai salah satu

gantian kepada tapak Kem Kinrara secara land swap, namun dibatalkan dan digantikan pembinaan Kem Paloh dalam Parlimen Sembrong, Johor," katanya ketika diinterview pada sidang media di sini, semalam.

#### Arahan politik

Bagi projek Kem Hutan Melintang di Parlimen Bagan Datuk, Mohd Nasaee mendakwa terdapat bukti dan arahan politik serta pembabitan secara langsung Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dalam usaha memindah dan menambah pegundian tentera dan keluarga mereka di kem yang membabitkan kedua-dua Parlimen berkenaan.

"Terdapat kerugian dalam penilaian tanah asal projek land swap ini apabila pentadbiran terdahulu di bawah kepemimpinan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi yang menetapkan nilai tanah tapak Kem Kinrara berjumlah RM500 juta, sedangkan penilaian yang dibuat oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) adalah RM758 juta.

"Begini juga arahan yang dikeluarkan oleh pentadbiran lalu supaya tanah dibeli di Paloh, Sembrong bagi tujuan pembinaan kem dengan harga 43 peratus lebih tinggi daripada nilaiawas sama, iaitu RM10.47 juta bagi 62 ekar (24.8 hektar) tanah, sedangkan penilaian JPPH hanya RM7.28 juta saja," katanya.

Mohd Nasaee berkata, kedua-dua projek itu diarahkan untuk dimulakan pembinaannya dalam keadaan kontrak antara pihak kerajaan kepada syarikat belum dimuktamadkan dan ditandatangani oleh kedua-dua pihak selain belum mendapat kebenaran merancang dan masuk tapak dari Pihak



[FOTO AZIAH AZMEE/BH]  
**Bekas tapak kediaman** anggota tentera Kem TUDM Kinrara yang sudah diroboh.



Terdapat campur tangan politik keterlaluan dan kecuaian tadbir urus dalam pelaksanaan kedua-dua projek ini yang menyebabkan kerugian besar kepada kerajaan"

**Mohd Nasaee Ismail,**  
Pegawai Tugas-Tugas Khas  
Kepada Menteri Pertahanan



Sudah semestinya jika ada laporan dibuat, kita akan lihat jika ada tindakan dan perlu disiasat polis. Kalau lebih kepada unsur rasuah, pihak SPRM akan ambil tindakan"

**Noor Rashid Ibrahim,**  
Timbalan Ketua Polis



[FOTO BERNAMA]  
**Mohd Nasaee (tengah)** menyerahterahkan laporan kepada SPRM semalam.

Berkusa Tempatan (PBT), tetapi kedua-dua projek sudah dijalankan.

"Pelaksanaan kedua-dua projek ini juga menyebabkan kepentingan dan keselamatan anggota tentera serta matlamat untuk memperkuatkukan ketenteraan terabai."

"Pembinaan Kem 1 Briged di Port Dickson lebih diperlukan memandangkan kem sedia ada di Rasah sangat usang."

"Anggota tentera dipindahkan ke Kem Hutan Melintang dalam keadaan kem itu belum memperoleh Sijil Penyiapan dan Pematuhan selain matlamat utama untuk memperkuatkukan ketenteraan di Pantai Barat Semenanjung Malaysia dengan memindahkan anggota tentera dari Kem Tambun dan Kem Kamunting dibatalkan dan Kem Hutan Melintang itu hanya menempatkan sejumlah kecil Askar Wataniyah," katanya.

Sementara itu, beliau berkata pentadbiran lalu supaya tanah dibeli di Paloh, Sembrong bagi tujuan pembinaan kem dengan harga 43 peratus lebih tinggi daripada nilaiawas sama, iaitu RM10.47 juta bagi 62 ekar (24.8 hektar) tanah, sedangkan penilaian JPPH hanya RM7.28 juta saja," katanya.

"Sudah semestinya jika ada laporan dibuat, kita akan lihat jika ada tindakan dan perlu disiasat polis."

"Kalau lebih kepada unsur rasuah, pihak SPRM akan ambil tindakan," katanya pada sidang media Majlis Istiadat Penganugerahan Pingat Jasa Pahlawan Negara Kontingen Kuala Lumpur, di Pusat Latihan Polis (PULAPOL), di sini, semalam.



22 Feb 2019  
Berita Harian, Malaysia

Author: Suhaila Shahrul Annar, Fazrik Kamarudin • Section: Nasional • Page: 1,9  
Printed Size: 921.00cm<sup>2</sup> • Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color  
ASR: MYR 31,747.66 • Item ID: MY0035189675

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT  
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.  
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: setakohongor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 3 of 3

## SUMMARIES

SPRM TERIMA LAPORAN HASIL SIASATAN DUA URUS NIAGA TUKAR TANAH MINDEF Ms.

Ada campur tangan politik keterlaluan, kecuaian tadbir urus

bhnews@bh.com.my Putrajaya Kementerian Pertahanan membuat laporan dan menyerahkan hasil siasatan urus niaga dua daripada 16 projek land swap (tukar tanah) berlaku di tanah milik kementerian itu yang menyebabkan kerugian besar kepada kerajaan selain mengancam kepentingan strategik pertahanan negara.



22 Feb 2019

Berita Harian, Malaysia

Author: Izzali Ismail • Section: Sukan • Page: 70 • Printed Size: 240.00cm<sup>2</sup> • Region: KL  
Market: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 8,273.01 • Item ID: MY0035189743

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT  
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.  
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektahs@nsogov@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 2

# Kedah bimbang ancaman Safee, Filho

**Alor Setar:** Kelibat dua pemain baharu PJ City - Safee Sali dan Sergio Filho - jelas meresahkan ketua jurulatih Kedah, Aidil Sharin Sahak menjelang pertemuan kedua-dua pasukan itu, malam ini.

Menurutnya, kehadiran kedua-dua pemain itu diyakini mampu memperkuatkan skuad kendalian K Devan sekali gus membayangkan pasukannya bakal berdepan cabaran getir di Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ).

"Pertemuan menentang PJ City bakal menguji tahap konsisten permainan pasukan dan mental pemain sama ada mampu bermain di bawah tekanan se-laku pendahulu Liga Super.

"Lagipun, PJ City bukan calang-calang pasukan apabila membuktikan kebangkitan menakjubkan dengan menewaskan PKNP FC.

"Jadi, cabaran mereka tidak boleh diperlekehkan apatah



PJ City bukan calang-calang pasukan apabila membuktikan kebangkitan menakjubkan dengan menewaskan PKNP FC"

**Aidil Sharin Sahak,**  
Ketua jurulatih Kedah

lagi mereka pasti bertambah kuat dengan kehadiran dua lagi pemain baharu (Safee dan Filho)," katanya.

Sementara itu, Devan menganjurkan Kedah bukan kebal dan yakin mampu mencalar rekod bersih Helang Merah.



Dua pemain baru PJ City FC, Safee (kanan) dan Filho.

"Semua orang tahu Kedah pasukan yang kuat namun kami tidak takut, sebaliknya kami akan cuba menjadi pasukan pertama yang menewaskan mereka.

"Malah, saya gembira kerana Safee dan Filho tidak berde-

pan masalah menyesuaikan diri dengan rakan lain dan tahap kecerdasan mereka juga memuaskan.

"Jadi, saya rasa mereka tidak ada masalah untuk diturunkan untuk aksi dengan Kedah," kata-nya.

**Oleh Izzali Ismail**



22 Feb 2019  
Berita Harian, Malaysia

Author: Izzali Ismail • Section: Sukan • Page: 70 • Printed Size: 240.00cm<sup>2</sup> • Region: KL  
Market: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 8,273.01 • Item ID: MY0035189743

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT  
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.  
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektahselangor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2

## SUMMARIES

Alor Setar: Kelibat dua pemain baharu PJ City - Safee Sali dan Sergio Filho - jelas meresahkan ketua jurulatih Kedah, Aidil Sharin Sahak menjelang pertemuan kedua-dua pasukan itu, malam ini. Menurutnya, kehadiran kedua-dua pemain itu diyakini mampu memperkuatkan skuad kendalian K Devan sekali gus membayangkan pasukannya bakal berdepan cabaran getir di Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ).



22 Feb 2019

Borneo Post (KK), Malaysia

Author: Lester J. Bingkasan • Section: Sport • Page: 15 • Printed Size: 291.00cm<sup>2</sup>

Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Black/white • ASR: MYR 811.00

Item ID: MY0035191033

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT  
TINGKAT 3, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.  
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektahselangor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 2

# PDRM Sabah karatekas eyeing hat-trick of titles

By Lester J. Bingkasan

**KOTA KINABALU:** Around 200 karatekas are expected to fight for honours in the 42nd edition of the Sabah State Senior Karate Championship with the PDRM Sabah aiming for a hat-trick of titles after having emerged as overall champions in 2017 and 2018.

Organised by the Sabah Karate Association (SKA), the championship will be held at the Kota Kinabalu Sports Complex on March 2.

It will be a platform to select athletes for the national senior tournament.

Secretary general of SKA, Julian Chin, said they had invited



Julian Chin

their affiliate members, clubs and branches for the premier karate competition at the state level.

"We hope the teams will prepare well and send their best

athletes for the championship.

"This is because the competition will be important to select athletes to represent Sabah in the 39th MAKAF (Malaysia Karate Federation) National Senior Open Championship at MPSJ Stadium in Serdang, Selangor from March 20-24," he said here yesterday.

"We are looking forward to another fruitful outing in the national scene," added Julian who obtained his World Karate Federation (WKF) Kumite Referee Judge B certificate recently.

For the record, Sabah won three gold, one silver and seven bronze medals to finish third behind the two powerhouses,

champions Malaysia Hayashi Ha Karate Federation and Penang Karate Federation, in the national seniors.

Meanwhile, Julian said the state senior championship would be ideal to prepare SKA towards hosting the 8th Asian Cadet, Junior and Under-21 Karate Championship here in April.

"It will be important that we will be fully ready to host the Asian level championship...the state championship should be a good avenue to prepare for that," he said.

PDRM Sabah are aiming to complete a hat-trick of the state senior title having emerged as overall champions in 2017 and 2018 respectively.



22 Feb 2019  
Borneo Post (KK), Malaysia

Author: Lester J. Bingkasan • Section: Sport • Page: 15 • Printed Size: 291.00cm<sup>2</sup>  
Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Black/white • ASR: MYR 811.00  
Item ID: MY0035191033

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT  
TINGKAT 4, BERSAMAAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.  
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: setakohongor@gmail.com





Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2

## SUMMARIES

KOTA KINABALU: Around 200 karatekas are expected to fight for honours in the 42nd edition of the Sabah State Senior Karate Championship with the PDRM Sabah aiming for a hat-trick of titles after having emerged as overall champions in 2017 and 2018. Organised by the Sabah Karate Association (SKA), the championship will be held at the Kota Kinabalu Sports Complex on March 2.



22 Feb 2019

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Author: No author available • Section: Sport • Page: A11 • Printed Size: 193.00cm<sup>2</sup>  
Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Black/white • ASR: MYR 391.85  
Item ID: MY0035191367

PEJARAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT,  
TINGKAT 3, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.  
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: setiahotline@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 2

# Sathianathan, Abu Bakar sudah hantar surat balas kepada FAM

KUALA LUMPUR: Ketua jurulatih PKNP FC, Abu Bakar Fadzim dan pengendali Selangor, B. Sathiananthan mengesahkan sudah menghantar surat balas kepada Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) berhubung kritikan mereka terhadap pengadil pada aksi Liga Super 2019.

Abu Bakar memaklumkan beliau menghantar surat balas kepada Jawatankuasa Pengadil FAM, sejurus menerima surat tunjuk sebab selepas mengeluarkan kenyataan berhubung kelemahan pengadil sewaktu aksi Liga Super antara PKNP FC dan Kedah di Stadium Majlis Perbandaran Manjung pada 2 Feb lepas.

“Saya menerima surat berkenaan kerana mengkritik keputusan pengadil (Razlan Joffri Ali) menghadiahkan sepakan penalti pada perlawanan tersebut, namun saya membalas surat berkenaan sambil menyertakan bukti rakaman perlawanan itu,” katanya kepada Bernama, Khamis.

Pada aksi di Manjung, Kedah menang 2-0 ke atas PKNP FC.

Sehubungan itu, Abu Bakar berharap FAM dapat memperbaiki kualiti pengadilan dalam perlawanan Liga

Malaysia akan datang, selepas mendakwa wujud kelemahan pengadilan dalam beberapa aksi awal Liga Super sebelum ini.

“Se kiranya FAM melihat penggunaan VAR (Video Bantuan Pengadil) melibatkan kos tinggi, saya mencadangkan supaya pengadil dapat melihat ulang tayang perlawanan tersebut pada waktu itu sebelum membuat keputusan muktamad,” jelas pengendali berusia 47 tahun itu.

Sementara itu, Sathiananthan menjelaskan beliau sudah memberi surat balas dan bersedia menerima sebarang hukuman daripada FAM.

“Saya tidak mahu mengulas lanjut berhubung perkara berkenaan tetapi saya sudah menghantar surat balas kepada FAM baru-baru ini,” jelasnya.

Sathiananthan mungkin dikenakan tindakan selepas mempertikaikan keputusan pengadil, Suhaizi Shukri selepas aksi Selangor dengan Petaling Jaya City FC memandangkan Suhaizi turut mengadili perlawanan melibatkan Selangor sebelum ini.

Kedua-dua pasukan seri 1-1 pada aksi di Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Kelana Jaya itu pada 9 Feb lepas. -Bernama



22 Feb 2019

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Author: No author available • Section: Sport • Page: A11 • Printed Size: 193.00cm<sup>2</sup>  
Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Black/white • ASR: MYR 391.85  
Item ID: MY0035191367

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT  
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.  
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektahselangor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2

## SUMMARIES

KUALA LUMPUR: Ketua jurulatih PKNP FC, Abu Bakar Fadzim dan pengendali Selangor, B. Sathiananthan mengesahkan sudah menghantar surat balas kepada Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) berhubung kritikan mereka terhadap pengadil pada aksi Liga Super 2019.



22 Feb 2019

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Author: No author available • Section: Sport • Page: A12 • Printed Size: 174.00cm<sup>2</sup>  
Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 707.00  
Item ID: MY0035191410

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT  
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.  
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: setiahotungor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 2

# 200 dijangka sertai Kejohanan Karate Senior Sabah Ke-42



KOTAKINABALU: Kira-kira 200 peserta dijangka menyertai Kejohanan Karate Senior Sabah Ke-42, 2019.

Kejohanan tahunan itu akan berlangsung di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Kota Kinabalu (KSKK) pada 3 Mac.

Setiausaha Persatuan Karate Sabah (SKA) Julian Chin (*gambar*) berkata, semua anggota gabungan persatuan telah dijemput menyertai kejohanan itu.

"Kami berharap mereka akan menghantar karatekas terbaik kerana kejohanan ini juga medan untuk memilih

karatekas ke Kejohanan Karate Senior Terbuka MAKAF Ke-39 di Selangor bulan depan.

"Kejohanan kebangsaan itu akan berlangsung di Stadium MPSJ Serdang pada 20-24 Mac. Kali ini, kita harap akan terus menjadi pencabar utama," kata Julian ketika dihubungi di sini pada Khamis.

Tahun lalu, Sabah menang tiga pingat emas, dua perak dan tujuh gangsa untuk muncul pemenang ketiga keseluruhan di bawah Persekutuan Karate Hayashi Haa Malaysia selaku juara dan Persekutuan Karate Pulau Pinang di tempat kedua.

Pingat emas disumbangkan pemenang pingat perak Sukan SEA 2017 Kuala Lumpur, Pressy Misty Philip, Audrey Japyus dan Mohd Azreen Awang Hashim.

Julian berkata, kejohanan peringkat negeri itu juga akan menjadi ujian buat Sabah yang akan menjadi tuan rumah Kejohanan Karate Kadet, Junior dan Bahaw 21 Tahun Asia pada April depan. **Oleh VITALIS G. BINGKASAN**



22 Feb 2019

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Author: No author available • Section: Sport • Page: A12 • Printed Size: 174.00cm<sup>2</sup>

Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 707.00

Item ID: MY0035191410

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT  
TINGKAT 3, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40150, SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.  
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: setakoh@ongov@gmail.com



Page 2 of 2

## SUMMARIES

KOTAKINABALU: Kirakira 200 peserta dijangka menyertai Kejohanan Karate Senior Sabah Ke- 42, 2019. Kejohanan tahunan itu akan berlangsung di Dewan Serbaguna Kompleks Sukan Ivota Kinabalu (KSKK) pada 3 Mac. Setiausaha Persatuan Karate Sabah (SKA) Julian Chin (gambar) berkata, semua anggota gabungan persatuan telah dijemput menyertai kejohanan itu. "Kami berharap mereka akan menghantar karatekas terbaik kerana kejohanan ini juga medan untuk memilih karatekas ke Kejohanan Karate Senior Terbuka MAKAF Ke-39 di Selangor bulan depan.



22 Feb 2019

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Author: No author available • Section: General News • Page: B7  
Printed Size: 247.00cm<sup>2</sup> • Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Black/white  
ASR: MYR 501.48 • Item ID: MY0035191435

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT,  
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektahselangor@gmail.com



**isentia.mediaportal**

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 2

## Pengundi perlu bijak memilih calon: Bung

KOTA KINABALU: Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno Dato' Sri Bung Moktar Radin berkata rakyat khususnya di DUN Semenyih pada Pilihan Raya Kecil (PRK) kali ini perlu bijak dengan memilih calon Barisan Nasional (BN) Zakaria Hanafi.

Katanya kemenangan BN dalam PRK kali ini tidak dijadikan platform untuk menghantar mesej kepada kerajaan Pakatan

Harapan (PH) agar menjalankan tanggungjawab dan tugas mereka dengan baik.

Jelas beliau, hampir setahun kerajaan PH memerintah negara namun tidak ada pencapaian yang boleh dibanggakan oleh rakyat malah janji dalam manifesto PH tidak ditunaikan.

"Apa yang boleh kita (rakyat) banggakan harga minyak turun, tol, PTPTN dihapuskannya semuanya menjadi

mimpi ngeri sementara kos sara hidup semakin meningkat menyebabkan rakyat semakin tertekan," katanya ketika ditemui selepas menghadiri mengetua jentera kempen Umno Sabah dalam sesi perjumpaan bersama rakyat di Kampung Batu 3 Semenyih, malam Rabu.

Bung yang juga pengurus Umno Sabah berkata, selepas PH mengambil alih pucuk

pimpinan negara, suasana negara ini menjadi semakin tidak elok dari segi kehidupan mahu pun ekonomi.

"Hari ini kita memiliki kerajaan yang dipanggil kerajaan palsu... tipu, sebab niat mereka bertanding pilihan raya pun sudah tidak betul hanya tamakkan kuasa bukan berkhidmat untuk rakyat," katanya.

Menurut beliau rakyat kini mulai sedar negara mempunyai satu kerajaan yang sangat lemah dan tidak langsung menitikberatkan kehendak rakyat.

"Kita tahu kemenangan BN tidak membawa perubahan kepada Kerajaan Negeri Selangor tapi kita hendak beritahu kerajaan, buatlah kerja elok-elok sebab ini demi masa depan bersama," katanya.

Mengenai peluang BN memenangi PRK Semenyih, Bung berkata ia bukan perkara mustahil kerana rakyat mula sedar selama ini mereka hanya ditipu oleh kerajaan PH dengan janji palsu.



**BUNG berbual mesra bersama jentera wanita BN dan Pas semasa perjumpaan itu.**



22 Feb 2019

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Author: No author available • Section: General News • Page: B7  
Printed Size: 247.00cm<sup>2</sup> • Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Black/white  
ASR: MYR 501.48 • Item ID: MY0035191435



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2

## SUMMARIES

KOTA KINABALU: Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno Dato' Sri Bung Moktar Radin berkata rakyat khususnya di DUN Semenyih pada Pilihan Raya Kecil (PRK) kali ini perlu bijak dengan memilih calon Barisan Nasional (BN) Zakaria Hanafi. Katanya kemenangan BN dalam PRK kali ini akandijadikan platform untuk menghantar mesej kepada kerajaan Pakatan

Harapan (PH) agar menjalankan tanggungjawab dan tugas mereka dengan baik.



22 Feb 2019

Harian Metro, Malaysia

Author: Saiful Affendi Sapran • Section: Arena • Page: 84 • Printed Size: 192.00cm<sup>2</sup>

Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 7,563.64

Item ID: MY0035190164

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT  
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM  
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax: 03-5513 5569  
Email: sektahselangor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 2

**Saiful Affendi Sapran**  
saifulaffendi@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur:** Dua muka baru PJ City FC, Safee Sali dan Sergio Paulo Nascimento Filho dilihat tidak berdepan masalah untuk diturunkan pada perlawanan Liga Super bertemu Kedah di Stadium MBPJ hari ini.

Ketua jurulatih PJ City, K Devan berkata, meskipun baru menyertai pasukan Selasa lalu, Safee dan Sergio berada dalam tahap terbaik sekali gus berpeluang besar untuk diturunkan.

“Saya rasa Sergio tidak berdepan masalah kecergasan. Dia beraksi pada perlawanan kompetitif di Brazil awal bulan ini.

“Safee pula sudah beraksi di saingan liga sebanyak tiga perlawanan bersama pasukan lamanya (Perlis). Jus-

## Safee, Sergio sedia beraksi lawan Kedah



SAFEE dan Sergio diperkenalkan oleh pengurusan kelab PJ City FC pada sidang media khas di Qi Tower.

teru, saya rasa mereka berdua tidak berdepan masalah untuk diturunkan,” katanya.

Devan berharap kehadiran kedua-dua pemain itu akan memberi impak besar kepada PJ City yang mensarankan untuk menamatkan saingan liga musim ini di kedudukan lima terbaik.

“Saya mengenali rapat Sa-

fee ketika di Selangor manakala untuk Sergio sudah lama saya memerhatikannya,” katanya.

Kedua-dua pemain itu sah menyertai PJ City selepas tarikh pendaftaran pemain berakhir kelmarin.

Selepas tiga perlawanan, PJ City menduduki tangga keenam liga dengan mengumpul empat mata.

“

Saya mengenali rapat Safee ketika di Selangor manakala untuk Sergio sudah lama saya memerhatikannya”

Devan



22 Feb 2019  
Harian Metro, Malaysia

Author: Saiful Affendi Sapran • Section: Arena • Page: 84 • Printed Size: 192.00cm<sup>2</sup>  
Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 7,563.64  
Item ID: MY0035190164

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT  
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.  
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektahsungor@gmail.com




isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2

## SUMMARIES

Kuala Lumpur: Dua muka baru PJ City FC, Safee Sali dan Sergio Paulo Nascimento Filho dilihat tidak berdepan masalah untuk diturunkan pada perlawanan Liga Super bertemu Kedah di Stadium MBPJ hari ini. Ketua jurulatih PJ City, K Devan berkata, meskipun baru menyertai pasukan Selasa lalu, Safee dan Sergio berada dalam tahap terbaik sekali gus berpeluang besar untuk diturunkan. "Saya rasa Sergio tidak berdepan masalah kecergasan. Dia beraksi pada perlawanan kompetitif di Brazil awal bulan ini.



# ‘Pembedahan anak dipermudahkan’

■ Zalida berterima kasih kepada semua pihak beri sumbangan selepas kejadian anak tersimbah sambal popia

**Mohd Husni Mohd Noor**  
mhusni@NSTP.com.my

**Ampang**

**A**lhamdulillah, segala urusan pembedahan anak dipermudahkan dengan bantuan semua pihak terutama Hospital Sungai Buloh dan Lembaga Zakat Selangor yang akan menanggung kos perubatan Azalea,” kata Zalida Syuhana Ahmad Tamam, 43, ibu kepada Azalea Hani Abdul Rahim, 5.

Dalam kejadian 7 Februari lalu, Azalea melecur seluruh badan selepas tersimbah sambal popia basah di rumah ibu saudaranya di Bandar Tasik Puteri, Rawang jam 8 malam.

Zalida berkata, dia berterima kasih kepada semua pihak yang memberi sumbangan kepadanya selepas kejadian menimpa anak bongsu daripada tiga beradik itu dilaporkan Harian Metro, semalam.

“Sejak laporan disiarkan Harian Metro, tidak putus-putus bantuan disalurkan ke akaun saya dan jumlah diperlukan bagi

## Melecur ‘mandi’ sambal popia

■ Budak lima tahun perlu RM20,000 bedad kali ketujuh

**Raudah Sabriyah**  
raudsabriyah@metro.com.my

**Bilal Lampe**

**S**eorang budi, kuruk pemecah-pemecah sekarang masih berdiri wajahnya seperti buah apel kerana ia dilukai oleh sambal popia yang dibuang dalam kitaran air. Ia merupakan hasil dari kejadian yang berlaku pada pagi tadi.

Menurutnya, dia budi juga mengalami kelelahan akibat kejadian tersebut. Beliau memerlukan rawatan di hospital dan pulang ke rumahnya selepas rawatan.

“Sekarang, budi masih lagi dalam rawatan di hospital Sungai Buloh selepas operasi tangan beliau. Azalea semasa ini masih dalam rawatan di hospital Sungai Buloh selepas operasi tangan dan kakinya yang masih dalam rawatan di hospital Sungai Buloh selepas operasi kakinya,” katanya.

Ketika dimintai keterangan, kakak Azalea, Zalida berkata, kakaknya masih dalam rawatan di hospital Sungai Buloh selepas operasi kakinya.

“Azalea masih dalam rawatan di hospital Sungai Buloh selepas operasi kakinya,” katanya.

**Kebuta-betara, kembang sambal berasa sangat cincang dan perih terasa,” katanya ketika dilawati**

Zalida berkata, kakitangan kakasinya memperbaiki air ke badan anak bongsu mereka selepas operasi kakinya. “Ketika kakaknya pulang, dia masih dalam rawatan di hospital Sungai Buloh selepas operasi kakinya,” katanya.

“Selain kakak Azalea, kakaknya masih dalam rawatan di hospital Sungai Buloh selepas operasi kakinya,” katanya.

“Azalea masih dalam rawatan di hospital Sungai Buloh selepas operasi kakinya,” katanya.

“Azalea masih dalam rawatan di hospital Sungai Buloh selepas operasi kakinya,” katanya.

“Azalea masih dalam rawatan di hospital Sungai Buloh selepas operasi kakinya,” katanya.

“Azalea masih dalam rawatan di hospital Sungai Buloh selepas operasi kakinya,” katanya.

“Azalea masih dalam rawatan di hospital Sungai Buloh selepas operasi kakinya,” katanya.

**LAPORAN Harian Metro, semalam.**

pembedahan esok (hari ini) sudah mencukupi.

“Pada masa sama, saya amat berterima kasih kepada Hospital Sungai Buloh dan Lembaga Zakat Selangor atas bantuan diberikan.

“Saya juga berterima kasih kepada kakitangan Hospital Sungai Buloh yang memberikan kerjasama dan menjaga anak dengan baik sepanjang lebih dua

minggu dirawat di hospital itu,” katanya ketika ditemui di rumahnya di Pangsapuri Sri Kayangan di Ukay Perdana, semalam.


Zalida Syuhana yang juga kakitangan swasta memaklumkan, anaknya masih dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) hospital itu dan dilaporkan dalam keadaan kritis tetapi stabil.

“Saya mohon orang ra-

mai mendoakan kesihatan anak saya supaya dia kembali sihat seperti biasa dan pembedahan esok (hari ini) berjalan lancar.

“Saya bersyukur kerana bantuan komuniti Pangsapuri Sri Kayangan dan ahli jawatankuasa Masjid Ukay Perdana kerana tidak putus-putus memberi perhatian kepada kami sekeluarga,” katanya.





22 Feb 2019  
Harian Metro, Malaysia

Author: Mohd Husni Mohd Noor • Section: Setempat • Page: 40  
Printed Size: 332.00cm<sup>2</sup> • Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color  
ASR: MYR 13,078.79 • Item ID: MY0035190291

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT  
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.  
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektahselangor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2

## SUMMARIES

Zalida berterima kasih kepada semua pihak beri sumbangan selepas kejadian anak tersimbah sambal popia. Ampa ng "Alhamdulillah , segala urusan pemb e dahan anak dipermudahkan dengan bantuan semua pihak terutama Hospital Sungai Buloh dan Lembaga Zakat Selangor yang akan menanggung kos perubatan Azalea , " kata Zalida Syuhana Ahmad Tamam, 43, ibu kepada Azalea Hani Abdul Rahim, 5.



22 Feb 2019

Harakah, Malaysia

Author: Nur Hasmira Mohamad • Section: Supplements • Page: F4  
Printed Size: 326.00cm<sup>2</sup> • Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color  
ASR: MYR 2,676.96 • Item ID: MY0035178835

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT  
TINGKAT 3, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.  
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektaohongkor@gmail.com



**isentia.mediaportal**

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 2

## Makin erat pakatan pembangkang

Oleh NUR HASMIRA MOHAMAD

SIRI-SIRI kerjasama politik antara dua parti pembangkang yang tertua di negara ini semakin mengungguli kehebatan kekuatan pembangkang.

Hal ini dilestarikan berikutan kekuuhan peningkatan persefahaman antara Umno dan PAS apabila memiliki matlamat perjuangan bersama dalam hal kedudukan agama Islam, bangsa dan negara.

Melihat kembali rentetan kejayaan ini akhirnya mencipta sejarah buat julung kalinya kerjasama apabila calon BN di PRK Cameron Highland menundukkan keangkuhan Pakatan Harapan (PH).

Turut disaksikan keakraban dan kemesraan bukan hanya melibatkan antara pimpinan Umno dan PAS malahan juga kepada ahli-ahli bawahannya menyambut baik keakraban ini.

Lebih menarik lagi apabila ada penyokong Umno hadir di

pusat penamaan calon Pilihan Raya Kecil Dun (PRK) Semenyih, Dewan Sri Cempaka, Majlis Perbandaran Kajang 16 Februari mengenakan t-shirt hijau yang merupakan tema hijau kepada penyokong PAS.

Suasana harmoni ini tidak hanya hidup kepada kaum tertentu, bahkan kaum lain Cina dan India turut merasanya apabila sama-sama hadir hari ini memberi sokongan kepada calon BN, Zakaria Hanafi.

Turut bertanding dalam PRK ini calon mewakili parti PSM, Nik Aziz Afiq Abdul serta aktivis masyarakat, Kuan Chee Heng atau lebih dikenali sebagai 'Uncle Kentang'.

Kerusi DUN Semenyih kosong selepas kematian wakil rakyatnya Bakhtiar Mohd Nor, 57, akibat serangan jantung pada 11 Januari lalu di Hospital Kajang.

Hari mengundi bagi PRK Semenyih diadakan pada 2 Mac ini dengan hari pengundian awal ditetapkan pada 26 Februari ini.



Calon bebas, Kuan Chee Heng (Encik Kentang) ketika berkempen.



Pimpinan PAS dan BN di sekretariat kempen BN.



Ahli BERSATU berkempen.



22 Feb 2019

Harakah, Malaysia

Author: Nur Hasmira Mohamad • Section: Supplements • Page: F4  
Printed Size: 326.00cm<sup>2</sup> • Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color  
ASR: MYR 2,676.96 • Item ID: MY0035178835

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT  
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.  
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektahsorong@gmail.com



Page 2 of 2

## SUMMARIES

SIRI-SIRI kerjasama politik antara dua parti pembangkang yang tertua di negara ini semakin mengungguli kehebatan kekuatan pembangkang. Hal ini dilestarikan berikutan kekuuhan peningkatan persefahaman antara Umno dan PAS apabila memiliki matlamat perjuangan bersama dalam hal kedudukan agama Islam, bangsa dan negara. Melihat kembali rentetan kejayaan ini akhirnya mencipta sejarah buat julung kalinya kerjasama apabila calon BN di PRK Cameron Highland menundukkan keangkuhan Pakatan Harapan (PH).

## Luluh hati menyaksikan penyokong BN nazak

Oleh NAZIHAH KHAN

TANGGAL 16 Februari lalu saya ditugaskan untuk berada di penamaan calon Pilihan Raya Kecil (PRK) Dun Semenyih.

Wartawan Harakah di perkarangan Dewan Seri Cempaka, Majlis Perbandaran Kajang jam 7.30 pagi dan berada di kawasan penyokong BN.

Penyokong-penyokong BN dilihat berkumpul di tempat letak kenderaan zon A berhampiran pusat penamaan tersebut.

Kira-kira 200 orang penyokong hadir pada pagi itu untuk memberikan sokongan.

Tema baju warna hijau dan biru muda menjadi tumpuan media untuk menangkap aksi para pimpinan yang hadir.

Tidak kurang juga taburan baju gelap jentera anggota keselamatan sedang berkumpul menjaga dan memastikan keselamatan di Pusat Penamaan Calon, Dewan Seri Cempaka di sini.

Kenderaan mula berasak masuk memenuhi perkangan manakala semakin ramai pimpinan tertinggi Umno dan PAS mula mengambil tempat masing-masing.



Calon BN, Zakaria turut mengangkat mangsa yang pengsan dan meninggal dunia di hari penamaan calon

Sedang saya mengeluarkan kipas, kelihatan seorang penyokong BN sedang melintas jalan dan berpaut kepada lampu isyarat yang berada di pembagi jalan.

Saya tidak mengesyaki sesuatu yang aneh bakal berlaku kerana pada ketika itu saya sibuk menyunting rakaman suara yang dirakam sebelum itu.

Secara tiba-tiba penyokong tersebut rebah dan jatuh tersungkur di atas jalan yang diturap bersebelahan lampu isyarat yang dipaut oleh beliau.

Saya tergamam buat seketika kerana jarak kami hanya 50 meter yang dipisahkan oleh satu jalan sahaja.

Kelihatan beberapa orang yang berada di kawasan tersebut bergegas ke tempat beliau rebah dan membantu memberikan pernafasan.

Salah seorang yang memberikan bantuan menjerit "kipas! kipas! kipas!" dan pada ketika itu saya menyedari bahawa saya mempunyai kipas dan terus bergegas ke tempat kejadian.

Saya turut membantu dengan menyalurkan tenaga dan juga kipas elektronik milik saya dengan menghalakan kipas tersebut ke-

pada beliau.

Di samping itu, beberapa orang turut mengipas dan membisikkan supaya beliau mengucap kerana tidak sedarkan diri pada ketika itu.

Saya menggilil ketakutan kerana ini adalah pengalaman pertama saya melihat orang yang rebah dan tidak sedarkan diri dibantu oleh orang ramai.

Pihak polis dan Jabatan Amal Malaysia (JAM) turut hadir untuk mengawal keadaan kerana orang ramai mula mengerumuni mangsa yang tidak sedarkan diri.

Saya turut berundur ke belakang untuk memberi lajuan kepada orang yang lebih pakar dalam menyelamatkan mangsa dalam keadaan tersebut.

Saya melihat anggota badan mangsa menggeletar manakala mulut berbuah dan mata naik ke atas. Saya sangka mangsa kena serangan jantung dan saya tidak terfikir mangsa berada dalam keadaan nazak.

Air mata saya bergelinangan mengenangkan apakah nasib yang akan menimpah penyokong itu. Bagaimana dengan keluarga beliau adakah dapat menerima berita ini dengan hati yang reda.

Perarakan diselangi dengan laungan takbir dan selawat bergema di sepanjang satu kilometer perjalanan dari tapak perkarangan himpunan ke Pusat Penamaan Calon, Dewan Seri Cempaka MPK.

Selepas itu, saya menemubual beberapa orang AJK PAS Kawasan Jempol yang turut hadir bagi memberikan sokongan kepada calon BN dalam penamaan calon di Dewan Seri Cempaka.

Soalan yang diajukan adalah mengenai apakah harapan ahli

PAS sendiri terhadap kerjasama antara PAS dan Umno dalam penamaan calon pada kali ini.

Selepas sepuluh minit keberadaan saya di bahu jalan saya bangkit untuk meneruskan perancian penyokong yang lain untuk ditemubual.

Pada ketika itu cuaca amat panas dan membahang sehingga menikam ke dasar kulit saya yang menyebabkan saya terpaksa mengeluarkan kipas elektronik yang berada di dalam beg milik saya.



22 Feb 2019  
Harakah, Malaysia

Author: NAZIHAH KHAN • Section: General News • Page: N20 • Printed Size: 349.00cm<sup>2</sup>  
Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 2,865.83  
Item ID: MY0035178868

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT  
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.  
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektahselangor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2

## SUMMARIES

TANGGAL 16 Februari lalu saya ditugaskan untuk berada di penamaan calon Pilihan Raya Kecil (PRK) Dun Semenyih. Wartawan Harakah di perkarangan Dewan Seri Cempaka, Majlis Perbandaran Kajang jam 7.30 pagi dan berada di kawasan penyokong BN. Penyokong-penyokong BN dilihat berkumpul di tempat letak kenderaan zon A berhampiran pusat penamaan tersebut. Kira-kira 200 orang penyokong hadir pada pagi itu untuk memberikan sokongan.

# 'Game' Mahathir tidak mungkin mengena lagi

Oleh AZIZ MUDA

**A**GAK aneh dan menggemparkan. Ketika seluruh rakyat negara ini sudah tahu dan sudah nampak dengan jelas, PAS tidak bertanding pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (Dun) Semenyih yang akan diadakan pada 2 Mac ini dan memberikan laluan serta kerjasama yang baik kepada Barisan Nasional (BN), Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad tiba-tiba mengatakan PAS tidak akan menyokong Umno pada pilihanraya itu.

Mahathir yang juga Pengerusi Pakatan Harapan (PH) merangkap Pengerusi Bersatu mengatakan bahawa perkara itu telah disuarakan oleh Presiden PAS, Dato' Seri Tuan Guru Abdul Hadi Awang yang bertemu dengan beliau di Yayasan Al-Bukhary di Kuala Lumpur pada 15 Februari lalu.

Dalam pertemuan itu, kami bincang soal politik. Banyak soal politik. Antaranya mengenai PAS dalam pilihan raya kecil Semenyih kali ini, iaitu (PAS) tidak akan menyokong parti Umno.

"Hadi maklumkan kepada saya PAS tidak akan menyokong Umno. Tapi ada juga pengakuan secara tertulis dan ditandatanganinya," kata Mahathir selepas menyampaikan ucaptama dalam Pesta Demokrasi Kuala Lumpur 2019 anjuran Gerakan Pembaharuan Untuk Asia Tenggara (Forsee) di Kuala Lumpur dan seperti yang dilaporkan media tempatan pada 16 Februari lalu.

Bagaimanapun, Tun Guru Abdul Hadi sendiri seperti yang dilaporkan media tempatan pada 15 Februari lagi menjelaskan bahawa pertemuanannya dengan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad itu adalah bagi membincangkan penyelarasan pentadbiran antara Kerajaan Negeri Terengganu dengan Persekutuan.

Menurut Tuan Guru Abdul Hadi, perbincangan itu turut menyentuh mengenai Wang Tunai Petroleum (WTP), Majlis Tindakan Ekonomi (MTE) dan projek-projek Kerajaan Persekutuan dan Negeri Terengganu agar tidak wujud sebarang percanggahan.

"Pertemuan lebih membincangkan pada penyelarasun untuk kerajaan Negeri (Terengganu) dan Pusat. Menurut Mahathir boleh mengatakan PAS tidak akan menyokong Umno pada PRK Semenyih dalam pertemuan mereka itu."



Takiyuddin selepas mempengerusikan mesyuarat bersama Ismail Sabri di eCommand Centre BN di Semenyih pada malam 17 Februari lalu.

Saya tidak ingat. Yang peliknya Sabah dan Sarawak tidak dipotong hutang, mengapa kita Terengganu dan Kelantan dipotong hutang? dan Kelantan belum selesai dibayar kerana ada berkait dengan mahkamah dan akan dibincangkan," kata Tuan Guru Abdul Hadi.

Pertemuan beliau dengan Tun Dr Mahathir di Yayasan Al-Bukhary itu turut dihadiri Setiausaha Agung PAS, Dato' Takiyuddin Hassan dan Menteri Besar Terengganu, Dr Ahmad Samsuri Mohkhtar. Pertemuan itu juga merupakan pertemuan kali kedua Tuan Guru Abdul Hadi dengan Tun Dr Mahathir selepas pertemuan pertama sebaik Pakatan Harapan (PH) membentuk kerajaan tahun lalu.

Ternyata kenyataan Mahathir dan Tuan Guru Abdul Hadi berhubung pertemuan mereka itu mempunyai perbezaan yang ketara. Menurut Mahathir, pertemuan mereka itu banyak membincangkan soal politik, manakala Tuan Guru Abdul Hadi pula mengatakan pertemuan mereka itu lebih membincangkan pada penyelarasun untuk kerajaan Negeri (Terengganu) dan Pusat.

Pertanyaan yang timbul dari kalangan orang ramaj, bagaimana pula Mahathir boleh mengatakan kononnya Tuan Guru Abdul Hadi mengatakan PAS tidak akan menyokong Umno pada PRK Semenyih dalam pertemuan mereka itu?

## PAS nafi dakwaan Mahathir

Menjelaskan perkara itu, Setiausaha PAS, Dato' Takiyuddin Hassan yang turut hadir dalam pertemuan tersebut mengesahkan bahawa perjumpaan PAS bersama Mahathir itu sebenarnya langsung tidak menyebut berkaitan PRK Semenyih pada malam 17 Februari lalu.

"Yang 2018 (WTP) sudah dibayar, cuma dipotong hutang. Yang selebihnya Kerajaan Persekutuan potong beberapa peratus.

Malah, jelas beliau, surat yang dikatakan oleh Mahathir itu sebenarnya adalah draf sokongan PAS kepada Mahathir sekiranya berlaku pengkhianatan dalam PH terhadap Perdana Menteri.

"Perlu diingat sidang Parlimen akan berlangsung pada 11 Mac ini dan dalam draf surat itu adalah berkaitan sokongan PAS kepada Perdana Menteri sekiranya berlaku apa-apa, kalau ada pengkhianatan maka PAS akan bersama-sama berlaku. Tun sendiri sebut sesuatu yang tidak betul mungkin berlaku dalam PH.



Pemimpin PAS Selangor, Roslan Shahir Mohd Shahir bersama pemimpin Umno dalam satu siri kempen bersama PAS dan BN bagi PRK Semenyih pada 17 Februari lalu.

"*Seing is believing*". Anda boleh lihat bagaimana kami 'all out' dengan Umno sama seperti dengan Cameron Highlands. Saya sendiri bergerges dari Kuala Terengganu untuk mesyuarat bersama Umno malam ini. 'Action louder than words'," tegas beliau.

Dengan kenyataan Takiyuddin itu, jelas membuktikan bahawa PAS kekal dengan pendirian menyokong calon Umno. Malah perkara itu terbukti dengan kehadiran beberapa pemimpin PAS sendiri ke Pusat Penamaan Calon PRK Dun Semenyih di Dewan Seri Cempaka, Majlis Perbandaran Kajang pada pagi 16 Februari lalu.

Selain Takiyuddin sendiri, antara pemimpin PAS yang turut hadir memberikan sokongan kepada calon Umno itu termasuklah Naib Presiden PAS, Ustaz Idris Ahmad dan Dato' Iskandar Abdul Samad.

Justeru, di mata orang ramai sendiri, kenyataan Mahathir bahawa PAS itu tidak akan menyokong Umno dalam PRK Dun Semenyih itu jelas hanya bermotifkan politik bagi memanipulasi pertemuan tersebut.

Di mata orang ramai juga, sekiranya dakwaan Mahathir itu benar, mana mungkin Takiyuddin yang turut hadir bersama-sama dengan Tuan Guru Abdul Hadi dalam pertemuan itu akan hadir ke Semenyih bagi menyatakan sokongan PAS kepada calon Umno

Hamidi berjuma dengan gannanya semasa Dato' Seri Najib Tun Razak masih lagi menjadi Perdana Menteri. Mahathir ketika itu selamba sahaja 'menipu' penyokong PH dan rakyat kononnya Zahid datang berjuma dengan gannanya untuk menjatuhkan Najib.

Bagaimanapun, Zahid menafikan pertemuan beliau dengan Mahathir bertujuan untuk menjatuhkan Najib, sambil berkata pertemuan itu dirakamkannya, malah direstui Najib sendiri yang juga selaku Presiden Umno itu sendiri ketika itu.

"Perkara yang tidak berlaku dikatakan berlaku. Saya ingin katakan, ia berlaku atas keizinan Perdana Menteri selepas 10 hari saya dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri," jelas Zahid ketika merasmikan Mesyuarat Umno Bahagian Jerlun, Kedah pada 3 Ogos 2017 lalu.

Sekali lagi pertemuan Zahid dengan Mahathir cuba dimanipulasi oleh Mahathir selepas Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14 kononnya pertemuan Zahid dengannya bertujuan untuk membubar Umno.

Setelah sekian lama membisu dan berdiam diri, Zahid yang juga Presiden Umno itu akhirnya mengakui yang beliau menemui Mahathir sebanyak dua kali selepas PRU ke-14 lalu untuk perbincangan politik dan menghalang 'pengharaman Umno'.

Orang yang bijak politik tahu siapa Mahathir dulu, sekaran dan selamanya. Manusia yang kaki belit, bijak menipu seperti Mahathir sememangnya perlu di analisis betul-betul setiap cakapnya. Rekod penipuannya itu sudah berlaku sejak tahun 1981 lagi.

Mahathir sememangnya bijak bermain psikologi dan menipu. Prinsip Mahathir tidak boleh tipu semua boleh tipu seorang dua sudah cukup. Tidak boleh perbodohkan lawan perbodohkan penyokong sendiri pun sudah mendapat.

Jadi dengan itu, tidak hairanlah jika banyak penganalisis politik melalui komen ringkas dalam facebook dan whatsapp mereka menyifatkan tindakan Mahathir itu sebenarnya adalah tindakan orang terdesak, dengan kedudukan kajian sokongan kepada beliau menurun sehingga tinggal 42 peratus sahaja. Manakala sokongan Melayu terhadap beliau sahaja turun sehingga 27 peratus dalam kajian terkini.

Orang berakal boleh fikir sama ada Mahathir kaki tipu atau sudah nyanyuk. Namun yang nyata, 'game' Mahathir pasti tidak akan mengena lagi sekarang, malah pada masa akan datang kerana seluruh rakyat negara ini sudah lama kenal beliau.



22 Feb 2019  
Harakah, Malaysia

Author: Aziz Muda • Section: General News • Page: N8 • Printed Size: 782.00cm<sup>2</sup>  
Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 6,522.00  
Item ID: MY0035178832

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT  
TINGKAT 4, BERSAMAAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.  
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektahsongor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2

## SUMMARIES

AGAK aneh dan menggemparkan. Ketika seluruh rakyat negara ini sudah tahu dan sudah nampak dengan jelas, PAS tidak bertanding pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (Dun) Semenyih yang akan diadakan pada 2 Mac ini dan memberikan laluan serta kerjasama yang baik kepada Barisan Nasional (BN), Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad tiba-tiba mengatakan PAS tidak akan menyokong Umno pada pilihanraya itu.



 LENSA YB DI SANA SINI

# Majlis Silaturrahim di Kuala Langat

KUALA LANGAT: Biar pun Pakatan Harapan (PH) gusar penyatuannya ummah berlaku menjelang Pilihan Raya Umum (PRU) ke-15, namun PAS dan Umno tetap meneruskan kerjasama.

Baru-baru ini pemimpin PAS diundang pada ke Majlis Silaturrahim yang diadakan di Pejabat Umno Kuala Langat.

Adun Sijangkang Dr Ahmad Yunus Hairi berkata, adat dijemput kita bertandang. Isteri kasih Umno Kuala Langat atas jemputan antara Umno dan PAS Kuala Langat. Selain berbincang berkaitan aduan rakyat turut dibincang persediaan pembangkang menghadapi PRK Semenyih, katanya di laman sosialnya.

Menurutnya juga barisan pembangkang di Selangor perlu dikukuhkan supaya bagi menjadi semak dan imbang kepada kerajaan negeri.

Katanya, kemenangan PH bukan bermaksud mereka boleh sewenang-wenangnya membuat dasar merepek dan membohongi rakyat.

Ikamai berharap pembangkang di Selangor dapat memastikan kerajaan negeri melaksanakan tugas lebih baik dan jujur, iujarnya.

**PANDU...** Adun Penaga, Pulau Pinang Ustaz Mohd Yusni Mat Piah mencuba mengendalikan jentera penuloi padi di Kampung Pasir Gebu. Beliau begitu teruja ketika diberi peluang memandu jentera penuloi tersebut.



**SEPAKAT...** Penyelia Dun Nenggiri Mohd Saupi Ab Razak turut menyertai gotong reyong membersih Masjid Bertam bagi menyertai pertandingan masjid cantik jajahan Gua Musang.



**PRIHATIN...** Adun Panching, Pahang Ustaz Mohd Tarmizi Yahaya menziarahi mangsa kebakaran Hasnah Mohd Jamil, di mana rumahnya hangus dililit api awal pagi Isnin lepas. Beliau turut menghulur sumbangan.



**MENITI USIA...** Pesuruhjaya PAS Perlis Mohd Shukri Ramli memotong kek sempena ulangtahun kelahirannya ke-58. Beliau juga Adun Sangiang merakam ucapan terima kasih di atas ingatan rakan-rakan seperjuangan.

**SUMBANGAN...** Adun Ladang Terengganu, Dato' Tengku Hassan Tengku Omar menziarahi sambil menyampaikan sumbangan Tabung Darul Imam kepada penduduk di Dun terbatu.

**ZIARAH...** Adun Guchii Helmi Abdullah menziarahi arwah Mohamad Zain di Kampung Sedek Kuala Krai. Allahyarham meninggal dunia di Hospital Raja Perempuan Zainab II Kota Bharu.



22 Feb 2019

Harakah, Malaysia

Author: No author available • Section: General News • Page: N23  
Printed Size: 778.00cm<sup>2</sup> • Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color  
ASR: MYR 6,388.58 • Item ID: MY0035178908

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT  
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.  
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: setakohongor@gmail.com



Page 2 of 2

## SUMMARIES

KUALA LANGAT: Biar pun Pakatan Harapan (PH) gusar penyatuhan ummah berlaku menjelang Pilihan Raya Umum (PRU) ke-15, namun PAS dan Umno tetap meneruskan kerjasama. Baru-baru ini pemimpin PAS diundi pada ke Majlis Silaturrahim yang diadakan di Pejabat Umno Kuala Langat. Adun Sijangkang Dr Ahmad Yunus Hairi berkata, adat dijemput kita bertandang. ITerima kasih Umno Kuala Langat atas jemputan antara Umno dan PAS Kuala Langat.



22 Feb 2019  
Harakah, Malaysia

Author: NUR AIN MANAF • Section: General News • Page: N3 • Printed Size: 82.00cm<sup>2</sup>  
Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Black/white • ASR: MYR 574.79  
Item ID: MY0035178887

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT,  
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.  
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektaohongor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 2

## Azmin diingatkan jaga kelancangan pimpinan PH

Oleh NUR AIN MANAF

**KUALA LUMPUR:** PAS Selangor menasihati Timbalan Presiden PKR, Dato' Seri Mohamad Azmin Ali supaya menjaga PH terlebih dahulu agar tidak berpecah dan mengawal kelancangan mulut pimpinan parti komponen tersebut.

Timbalan Pesuruhjaya PAS 1, Dato' Dr Ahmad Yunus Hairi berkata, seharusnya Azmin menasihati pimpinan dalam gabungan PH supaya tidak melepas tahap menghina agama Islam dan memperlekehkan kaum Melayu di negara ini.

"Saya ingin menasihati Azmin untuk menjaga PH terlebih dahulu agar tidak berpecah dan mengawal kelancangan parti komponen itu," tegasnya.

Beliau berkata demikian ekoran kenyataan Azmi kemenangan PH di Dun Semenyih penting sebab ada agenda besar untuk rakyat.

Sedangkan kata Ahmad Yunus, selama 10 bulan mentadbir kerajaan PH diharap tidak lagi terus membohongi rakyat.

Menurutnya, rakyat telah sedar bahawa pihak kerajaan gagal menunaijanjanji seperti yang telah dijanjikan oleh kerajaan PH dalam manifesto sebelum ini.



22 Feb 2019  
Harakah, Malaysia

Author: NUR AIN MANAF • Section: General News • Page: N3 • Printed Size: 82.00cm<sup>2</sup>  
Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Black/white • ASR: MYR 574.79  
Item ID: MY0035178887

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT  
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.  
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektahselangor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2

## SUMMARIES

KUALA LUMPUR: PAS Selangor menasihati Timbalan Presiden PKR, Dato' Seri Mohamad Azmin Ali supaya menjaga PH terlebih dahulu agar tidak berpecah dan mengawal kelancangan mulut pimpinan parti komponen tersebut. Timbalan Pesuruhjaya PAS 1, Dato' Dr Ahmad Yunus Hairi berkata, seharusnya Azmin menasihati pimpinan dalam gabungan PH supaya tidak melewati tahap menghina agama Islam dan memperlekehkan kaum Melayu di negara ini.



# Kementerian Pertahanan buat laporan SPRM isu 'land swap'

Babit projek pembinaan Kem Paloh, Johor dan Kem Hutan Melintang, Perak

**PUTRAJAYA:** Satu laporan dibuat kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) semalam berkenaan isu 'land swap' atau pertukaran tanah milik Kementerian Pertahanan membabitkan projek pembinaan Kem Paloh, Johor dan Kem Hutan Melintang, Perak.

Laporan itu dibuat oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Kepada Menteri Pertahanan, Mohd Nasaie Ismail di ibu pejabat SPRM di sini, susulan hasil siasatan Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus, Kewangan dan Perolehan, yang diketuai Tan Sri Ambrin Buang, terhadap 16 isu 'land swap' membabitkan tanah milik Kementerian Pertahanan.

Mohd Nasaie yang ditemui media di Ibu Pejabat SPRM untuk membuat laporan itu berkata, kedua-dua projek itu dijalankan oleh pihak swasta hasil pertukaran tanah tapak Kem Kinrara di Selangor dan Kem Rasah di Negeri Sembilan.

"Dipercayai terdapat campur tangan politik, kecuaian urus tadbir dan beberapa kesilapan dalam pelaksanaan projek dalam kedua-dua projek itu yang menyebabkan kerugian kepada kerajaan dan mengancam kepentingan pertahanan negara," katanya.

Menurutnya, pembinaan Kem Paloh dan Kem Hutan Melintang tidak termasuk dalam Rancangan Malaysia ke-11 tetapi arahan telah dikeluarkan untuk membina kedua-dua kem tersebut dipercayai atas faktor-faktor politik.

Mohd Nasaie berkata Kementerian Pertahanan pada asalnya merancang untuk membina Kem Briged di Port Dickson, Negeri Sembilan sebagai salah satu gantian kepada tapak Kem Kinrara secara 'land swap' namun dibatalkan dan digantikan dengan pembinaan Kem Paloh dalam Parlimen Sembrong, Johor.

Beliau mendakwa terdapat bukti arahan politik dan



**KEADILAN:** Mohd Nasaie (tengah) hadir menyerahkan laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia berhubung isu land swap yang berlaku di tanah milik Kementerian Pertahanan membabitkan projek pembinaan Kem Paloh dan Kem Hutan Melintang, semalam. — Gambar Bernama

penglibatan secara langsung pihak Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dalam usaha memindah dan menambah pengundian tentera dan keluarga mereka di kedua-dua kem yang melibatkan Parlimen Sembong dan Parlimen Bagan Datuk, Perak.

Mohd Nasaie berkata terdapat juga keraguan dalam penilaian tanah tapak Kem Kinrara yang ditetapkan kerajaan ketika itu iaitu berjumlah RM500 juta, sedangkan penilaian Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) pula RM758 juta.

"Penilaian oleh pihak JPPH dan penetapan harga oleh pihak kerajaan tersebut berlaku di waktu yang sama iaitu pada Mei 2015. Oleh itu, tidak timbul perbezaan harga tersebut disebabkan oleh perubahan masa yang menyebabkan nilainya lebih tinggi," katanya.

Beliau juga mendakwa terdapat arahan supaya tanah untuk pembinaan Kem Paloh dibeli pada harga 43 peratus lebih tinggi daripada nilai semasa iaitu RM10.47 juta bagi

**“**Dipercayai terdapat campur tangan politik, kecuaian urus tadbir dan beberapa kesilapan dalam pelaksanaan projek dalam kedua-dua projek itu yang menyebabkan kerugian kepada kerajaan dan mengancam kepentingan pertahanan negara.**”**

**Mohd Nasaie Ismail**  
 Pegawai Tugas-Tugas Khas Kepada Menteri Pertahanan

62 ekar (25 hektar) walaupun JPPH meletakkan penilaian harga hanya RM7.28 juta.

Menurutnya, kedua-dua projek itu juga telah diarahkan untuk dimulakan pembinaannya dalam keadaan kontrak antara kerajaan dan pihak syarikat belum dimuktamadkan selain dijalankan tanpa mendapat kebenaran dari pihak berkuasa tempatan.

Mohd Nasaie berkata pelaksanaan kedua-dua projek itu menyebabkan kepentingan dan keselamatan anggota serta matlamat untuk memperkuuh ketenteraan

terabai.

Pembinaan Kem Briged 1 di Port Dickson, katanya, lebih diperlukan memandangkan kem sedia ada di Rasah sangat usang.

Beliau mendakwa anggota tentera yang dipindahkan ke Kem Hutan Melintang dalam keadaan kem tersebut belum memperoleh Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CC).

Mohd Nasaie berharap SPRM dapat menyiasat pihak yang terlibat secara langsung dalam memutuskan dan melaksanakan dua projek berkenaan. — Bernama



22 Feb 2019

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Author: No author available • Section: News • Page: 15 • Printed Size: 498.00cm<sup>2</sup>

Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 3,712.00

Item ID: MY0035191814

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT  
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.  
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektahselangor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2

## SUMMARIES

Babit projek pembinaan Kem Paloh, Johor dan Kem Hutan Melintang, Perak

PUTRAJAYA: Satu laporan dibuat kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) semalam berkenaan isu 'land swap' atau pertukaran tanah milik Kementerian Pertahanan membabitkan projek pembinaan Kem Paloh, Johor dan Kem Hutan Melintang, Perak.



Author: No author available • Section: News • Page: 15 • Printed Size: 287.00cm<sup>2</sup>  
 Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Black/white • ASR: MYR 1,070.00  
 Item ID: MY0035191757

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR  
 SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT  
 TINGKAT 3, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 40150 SHAH ALAM, SELANGOR DILAKUKAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
 No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
 Email: sektahselangor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 2



**PAHLAWAN:** Noor Rashid menyampaikan Pingat Jasa Pahlawan Negara (PJPN) kepada Samuel Segrane, 58, pada Istiadat Penganugerah PJPN Kontijen Kuala Lumpur di Pusat Latihan Polis Kuala Lumpur semalam. — Gambar Bernama

## Kertas siasatan Papagomo dirujuk kepada timbalan pendakwa raya

**KUALA LUMPUR:** Kertas siasatan ke atas Exco Pemuda UMNO Wan Muhammad Azri Wan Deris atau lebih dikenali sebagai Papagomo yang didakwa mengasari Menteri Belia dan Sukan Syed Saddiq Syed Abdul Rahman dijangka dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya semalam.

Timbalan Ketua Polis Negara Tan Sri Noor Rashid Ibrahim berkata, pihaknya telah melengkapkan siasatan ke atas Papagomo dan beliau telah dilepaskan dengan jaminan polis kelmarin.

“Kita tunggu sama ada perlu kita jalankan siasatan lanjut atau teruskan dengan tindakan pendakwaan jadi esok (hari ini), kita tahu lah (keputusan Timbalan Pendakwa Raya),” katanya

kepada pemberita selepas menyampaikan Pingat Jasa Pahlawan Negara kepada 280 pegawai dan anggota Ibu Pejabat Polis Kontinen Kuala Lumpur di Pusat Latihan Polis (Pulapol) di sini, hari ini.

Wan Muhammad Azri, 36, direman bermula Isnin lepas bagi membantu siasatan dakwaan serangan ke atas Syed Saddiq di Kajang, Sabtu lepas.

Dalam kejadian pada 10.45 pagi berkenaan, Ahli Parlimen Muar itu mendakwa beliau diserang sekumpulan penyokong pembangkang sebaik keluar dari pusat penamaan calon Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Semenyih yang berlangsung di Dewan Seri Cempaka Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ).

Sementara itu, Noor Rashid berkata, polis sedang menunggu arahan pejabat Peguam Negara untuk mengambil tindakan selanjutnya berhubung kes anak Menteri Pertahanan Mohamad Sabu yang ditanah positif dadah pada 5 Jan lepas.

Menurutnya, kertas siasatan sudah dilengkapskan selepas polis menerima laporan perubatan daripada hospital.

Media sebelum ini melaporkan anak seorang menteri adalah antara dua lelaki yang ditanah dalam operasi polis di sebuah pusat hiburan, di Jalan Ampang, pada kira-kira 3 pagi.

Lebih berusia 31 tahun itu ditanah bersama rakannya berusia 33 tahun didapati positif ganja. — Bernama



22 Feb 2019

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Author: No author available • Section: News • Page: 15 • Printed Size: 287.00cm<sup>2</sup>  
Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Black/white • ASR: MYR 1,070.00  
Item ID: MY0035191757



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2

## SUMMARIES

**PAHLAWAN:** Noor Rashid menyampaikan Pingat Jasa Pahlawan Negara (PJPN) kepada Samuel Segrane, 58, pada Istiadat Penganugerah PJPN Kontjen Kuala Lumpur di Pusat Latihan Polis Kuala Lumpur semalam. — Gambar Bernama

**KUALA LUMPUR:** Kertas siasatan ke atas Exco Pemuda UMNO Wan Muhammad Azri Wan Deris atau lebih dikenali sebagai Papagomo yang didakwa mengasari Menteri Belia dan Sukan Syed Saddiq Syed Abdul Rahman dijangka dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya semalam.



22 Feb 2019  
Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: Dlm Negeri • Page: 3 • Printed Size: 252.00cm<sup>2</sup>  
Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 4,980.61  
Item ID: MY0035191915

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT  
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.  
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: setiahs@ssn.gov.my



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 2



## PERUNTUKAN KERAJAAN PUSAT

SULTAN Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan menerima peruntukan kerajaan Persekutuan kepada negeri Selangor berjumlah RM42.066 juta di Istana Bukit Kayangan, Shah Alam, semalam.

Peruntukan tersebut adalah bagi bayaran imbuhan imam, elauan guru Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) serta guru takmir bagi tahun 2019.

Ia disampaikan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof untuk disalurkan kepada

Majlis Agama Islam Selangor (MAIS).  
Turut berangkat Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah.

■ Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan menerima peruntukan kerajaan Persekutuan kepada negeri Selangor berjumlah RM42.066 juta yang di sampaikan oleh Mujahid Yusof di Istana Bukit Kayangan, Shah Alam, semalam. - GAMBAR IHSAN PEJABAT SULTAN SELANGOR



22 Feb 2019  
Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: Dlm Negeri • Page: 3 • Printed Size: 252.00cm<sup>2</sup>  
Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 4,980.61  
Item ID: MY0035191915

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT  
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.  
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektahselangor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2

## SUMMARIES

SULTAN Selangor. Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan menerima peruntukan kerajaan Persekutuan kepada negeri Selangor berjumlah RM42.066juta di Istana Bukit Kayangan. Shah Alam. semalam. Peruntukan tersebut adalah bagi bayaran imbuhan imam, elauan guru Kelas al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) serta guru takmir bagi tahun 2019. Ia disampaikan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Datuk Seri Dr. Mujahid Yusof untuk disalurkan kepada Majlis Agama Islam Selangor (MAIS). TUut berangkat Raja Muda Selangor. Tengku Amir Shah.

22 Feb 2019

Utusan Malaysia, Malaysia

Author: Hisyamuddin Ayub • Section: Mega • Page: 21TO23 • Printed Size: 2389.00cm<sup>2</sup>  
Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 47,650.00  
Item ID: MY0035191989

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT  
TINGKAT 3, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM  
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektaikorporat@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 5

JUMAAT • 22.02.2019

**UTUSAN  
MALAYSIA**

# Mega

## mimbar

f mega utusan malaysia

**M**ENUNTUT ilmu tidak akan pernah terhenti. Semakin dicari, semakin terasa kekurangannya. Sehingga ke akhir hayat, seruan menuntut ilmu tidak pernah terpadam.

Begitu juga dengan pengajian al-Quran. Bukan sahaja umat Islam sering kali diingatkan untuk kerap mendampingi naskhah suci itu yang diturunkan kepada Rasulullah, tetapi juga perlu 'menyelongkar' isi dan rahsia terdapat di dalamnya.

Bukan hanya anak-anak, warga emas juga mampu menghafaz al-Quran jika ada kemauan dan peluang. Bagi Pondok Darul Quran Nurul Hasanah, pihak pengurusannya mempunyai cara tersendiri untuk menghargai pelajar veteran di situ apabila menganjurkan majlis 'konvokesyen' bagi meraikan 10 pelajar tua yang berjaya menghafaz juzuk 30.

# Geng huffaz veteran



## Fokus

Oleh HISYAMUDDIN  
**AYUB**  
 agama@utusan.com.my

**K**EBIASAANNYA golongan hafiz yang tinggal di sekolah pondok adalah kumpulan pelajar muda. Sepadan dengan usia, keupayaan menghafaz dalam kalangan anak muda adalah sangat hebat.

Jarang sekali sekolah tafsir mahu pun pondok pengajian ilmu keagamaan mengambil pelajar lanjut usia untuk mengikuti program hafazan al-Quran di pusat pengajian masing-masing.

Namun pendekatan berbeza dilaksanakan oleh Pondok Darul Quran Nurul Hasanah yang terletak di Kampung Bukit Belimbing, Kuala Selangor, Selangor. Pondok pengajian ilmu keagamaan warga emas ini membuka peluang kepada penuntutnya yang berusia antara 56 hingga 70 tahun untuk menjadi kumpulan hufaz meskipun telah lanjut usia.

Usia bukan penghalang, sebaliknya kesungguhan dan iltizam tinggi menyaksikan 10 orang warga emas Pondok Darul Quran Nurul Hasanah berjaya menghafaz juzuk 30 dalam tempoh



SERAMAI 10 pelajar warga emas menduduki ujian hafazan dalam majlis penyampaian sijil hafazan warga emas di Pondok Darul Quran Nurul Hasanah.

# 'Konvokesyen' al-Quran pelajar tua

tidak sampai setahun.

Kena dengan usia, keupayaan menghafaz keseluruhan juzuk tersebut dengan baik sebelum perlu diperdengarkan (*tasmik*) secara 'tebuk' oleh tenaga pengajar pada hari 'konvokesyen' di hadapan ahli keluarga merupakan satu pencapaian yang cukup mengagumkan.

Mudir Pondok Darul Quran Nurul Hasanah, **Yusri Abdul Karim** berkata, pihaknya berasa terharu dengan pencapaian kumpulan 'pelajar tua' tersebut yang gigih menghafaz

ayat-ayat suci al-Quran biarpun terikat dengan tugas harian seperti memasak, membiasuh pakaian, mencuci tempat tinggal serta menghadiri kelas-kelas pengajian agama setiap hari.

Katanya, atas komitmen tinggi dan kesungguhan ditunjukkan, kumpulan pelajar warga emas itu berjaya menghafaz ayat suci al-Quran bagi juzuk 30 dengan baik meskipun terpaksa mengambil sedikit masa.

"Kami di pihak pengurusan Pondok Darul Quran Nurul Hasanah mahu meraih kejayaan 10 pelajar warga emas ini dengan mengadakan satu majlis konvokesyen bagi menzahirkan jutaan tahniah kepada mereka atas segala pengorbanan dan kesungguhan menghafaz ayat-ayat suci al-Quran.

"Selain mereka diraiakan bersama ahli keluarga tercinta pada hari yang bersejarah ini, kita juga mahu menunjukkan kepada mereka bahawa golongan hufaz akan lebih diarak oleh Allah pada hari pembalasan kelak dan ia adalah kejayaan yang lebih besar," katanya yang ditemui *Mega Mimbar* baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Yusri berkata, pengajian majlis keramahan itu diharap menjadi penyuntik semangat dan memotivasi ahli keluarga serta orang ramai untuk menghafaz al-Quran atau setidak-tidak



**YUSRI ABDUL KARIM** menyampaikan sijil dalam majlis penyampaian sijil hafazan warga emas di Pondok Darul Quran Nurul Hasanah.

membuktikan rasa cinta yang mendalam terhadap kitab suci tersebut.

Menurutnya, meskipun telah lanjut usia, perkara tersebut bukan satu alasan dan penghalang buat umat Islam untuk tidak mahu menghafaz al-Quran sedangkan 10 pelajar warga emas tersebut mampu melakukannya dengan baik.

Sehubungan itu katanya, pengajian majlis meraikan 10 orang pelajar tersebut mampu menjadi penyuntik semangat buat seluruh umat Islam, selain bertekad untuk sentiasa mendampingi al-Quran.

Sementara itu, membicarakan tentang Pondok Darul Quran Nurul Hasanah, Yusri berkata, pondok pengajian warga emas dan pusat penjagaan Islamik itu telah beroperasi sejak enam

tahun lalu di atas tanah wakaf seluas 1.2 hektar dengan menempatkan 110 buah unit kediaman beserta beberapa kemudahan lain seperti perkhidmatan inap desa, surau serta kelas menunggang kuda.

Menurutnya, atas permintaan menggalakkan daripada orang ramai, pihak pengurusan akan membuka sebuah lagi pondok pengajian warga emas di daerah sama dengan keluasan 0.8 hektar dan bakal menempatkan 60 unit kediaman.

"Pondok pengajian warga emas kedua ini telah siap 98 peratus dan dijangka beroperasi pada Mac ini. Alhamdulillah, ini merupakan satu kejayaan buat kami untuk meningkatkan lagi kecintaan orang ramai kepada Islam dan al-Quran," katanya yang turut mempunyai sebuah pusat taqfir untuk anak-anak muda.



PELAJAR warga emas lengkap berjubah dalam majlis penyampaian sijil hafazan warga emas di Pondok Darul Quran Nurul Hasanah, Kampung Belimbing, Kuala Selangor.



## Dekatkan diri kepada Allah

KETIKA mana usia semakin menjangkau ke ‘fasa senja’, tiada apa lagi yang mahu dikejar melainkan beribadat dan mendekatkan diri dengan Maha Pencipta.

Saki baki kehidupan semahunya dihabiskan dengan menuntut ilmu agama dan mencari reda Allah sekali gus mempunyai bekalan terbaik ketika mana ketemu dengan-Nya nanti.

Bagi bekas guru, **Salmah Mohamad**, 68, biarpun dia sebelum ini adalah bekas seorang pendidik, namun menuntut ilmu tidak pernah tamat, malah semakin dipelajari semakin banyak perkara yang masih belum diketahui.

Di yang berasal dari Teluk Intan, Perak berkata, ilmu Allah adalah sangat luas dan kesempatan yang ada pada penghujung usia mahu digunakan mendalamai ilmu agama serta menghafaz al-Quran.

“Alhamdulillah, berada hampir lima tahun di Pondok Darul Quran Nurul Hasanah memberi peluang luas kepada saya untuk mendalamai ilmu agama dan belajar menghafaz al-Quran.

“Dengan tenaga pengajar yang berdedikasi dan begitu komited mengajar kami warga emas ini, ia satu rahmat buat kami di sini. Lebih menarik, suasana di sini sangat mendamaikan selain mempunyai ramai kawan yang boleh dimanfaatkan sebagai rakan menghafaz al-Quran,” katanya.

Salmah merupakan antara 10 pelajar warga emas yang diraikan dalam majlis ‘konvokesyen’ Penyampaian Sijil Hafazan al-Quran Juzuk



PESERTA menikmati jamuan selepas majlis penyampaian sijil hafazan warga emas.

30 Warga Emas Pondok Darul Quran Nurul Hasanah.



SALMAH MOHAMAD



NAIMAH MOHAMAD

Sementara itu seorang lagi penerima sijil hafazan, **Datin Naimah Mohammad**, 66, menyatakan dia sama sekali tidak pernah terlintas di fikirannya untuk tinggal di pondok pengajian pada usia tuanya.

Anak kelahiran Terengganu itu berkata, arwah suaminya yang sebelum ini merupakan anggota polis telah membekalkan dua lot kediaman di Pondok Darul Quran Nurul Hasanah sebelum menghembuskan nafas terakhir.

Katanya, dia tidak menyangka ‘hadiah’ daripada suaminya itu dimanfaatkan bersama anak bongsunya yang turut berada di pondok pengajian itu untuk menghafaz al-Quran.

“Saya akhirnya memilih untuk berada di sini bersama anak bongsu daripada tujuh beradik. Tiada apa yang saya mahukan lagi selain mendalamai

“

Dengan tenaga pengajar yang berdedikasi dan begitu komited mengajar kami warga emas ini, ia satu rahmat buat kami di sini. Lebih menarik, suasana di sini sangat mendamaikan selain mempunyai ramai kawan yang boleh dimanfaatkan sebagai rakan menghafaz al-Quran.”

ilmu agama dan menghafaz al-Quran. Di sini juga kami dapat bersolat secara berjemaah setiap waktu.

“Terima kasih banyak-banyak kepada pihak pengurusan Pondok Darul Quran Nurul Hasanah terutama kepada mudir dan tenaga pengajar di sini yang telah mengorbankan banyak masa kepada kami. Hanya Allah membalias jasa baik kalian,” katanya penuh kesyukuran apabila sudah menghafaz dua juzuk al-Quran selain juzuk 30.



SEBAHAGIAN pelajar warga emas mengulang kaji hafalan al-Quran.



ROHEL MAT NOOH bersama pelajarnya yang juga terdiri daripada warga emas di Pondok Darul Quran Nurul Hasanah.

## Rohel si 'nenek siber'

**C**ERGAS dan aktif. Gambaran tepat boleh diberikan kepada **Rohel Mat Nooh**, 86, yang bertindak sebagai seorang tenaga pengajar di Pondok Darul Quran Nurul Hasanah.

Anak kelahiran Terengganu itu bukan sahaja dilihat begitu bertenaga semasa Majlis Penyampaian Sijil Hafazan al-Quran Juzuk 30 Warga Emas Pondok Darul Quran Nurul Hasanah, malah dia juga boleh memandu kenderaan bersendirian untuk berulang alik mengajar ke Terengganu dan Kelantan sekiranya tiada pengajian di Kuala Selangor.

Bukan itu sahaja, bekas guru agama yang telah memperoleh tauliah mengajar sejak 25 tahun lalu itu turut aktif dalam aktiviti kemasyarakatan dan pendidikan di luar negara termasuk terlibat dalam usaha membina sekolah tafhib untuk etnik Rohingya di Cox's Bazar.

Katanya, dia telah tiga kali berlepas ke Bangladesh bagi menguruskan pusat pengajian tafhib tersebut, selain dua bulan sekali ke Brunei bagi mengajar terjemahan al-Quran.

Sebelum ini menurutnya, dia juga pernah menabur bakti mengajar pengajian Islam di London dan Bahamas iaitu ketika Islam belum benar-benar berkembang di dua bandar tersebut termasuk masih tiada masjid dibangunkan di sana.

"Pelajar-pelajar saya di sini (Pondok Darul Quran

Nurul Hasanah) memanggil saya nenek tetapi dalam kalangan anak cucu, saya dipanggil 'nenek siber' kerana tidak boleh duduk diam walau sekejap pun kerana saya memang 'kaki jalan' termasuk sering melancong ke Singapura, Thailand serta Indonesia.

"Baru-baru ini saya telah membeli sebuah kereta Proton Pesona. Maka ligat dan panjang lagilah langkah saya berjalan. Anak-anak pun sudah tidak boleh kata apa-apa. Tetapi saya buat semua ini kerana minat dalam bidang pengajian agama dan mahu menjaga ukhuwah sesama sahabat," katanya.

Ditanya mengenai tahap kesihatan, Rohel memberitahu bahawa dia tidak mempunyai masalah kesihatan tetapi kedua-dua belah lututnya dan bahagian pinggul pernah menjalani pembedahan.

Malah katanya, dia masih boleh memberi fokus dalam pengajian menterjemah al-Quran di beberapa buah pondok dalam negara termasuk di Kuala Pilah, Negeri Sembilan; Besut, Terengganu; Melor, Kelantan serta Jeram, Selangor.

Menurutnya, aktiviti terkini yang akan disertai dalam masa terdekat adalah berada selama 50 hari di Jerti, Terengganu bagi mendapatkan sanad al-Quran bermula 1 Syaaban ini.

Apa yang menarik tentang Rohel, dia pernah dinobatkan sebagai Tokoh Pendidikan Pengajian al-Quran daripada Kerajaan Negeri Selangor pada 2017.



ROHEL MAT NOOH

22 Feb 2019

Utusan Malaysia, Malaysia

Author: Hisyamuddin Ayub • Section: Mega • Page: 21TO23 • Printed Size: 2389.00cm<sup>2</sup>  
Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 47,650.00  
Item ID: MY0035191989

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT  
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.  
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: setiahs@ns.gov.my



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 5 of 5

## SUMMARIES

ENUNTUT ilmu tidak akan pernah terhenti. Semakin dicari, semakin terasa kekurangannya. Sehingga ke akhir hayat, seruan menuntut ilmu tidak pernah terpadam. Begitu juga dengan pengajian al-Quran. Bukan sahaja umat Islam" sering kali diingatkan untuk kerap mendampingi naskhah suci itu yang diturunkan kepada Rasulullah, tetapi juga perlu 'menyelongkar' isi dan rahsia terdapat di dalamnya.Bukan hanya anak-anak, warga emas juga mampu menghafaz al-Quran jika ada kemauhan dan peluang.



22 Feb 2019  
Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: Dlm Negeri • Page: 14 • Printed Size: 159.00cm<sup>2</sup>  
Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 3,142.53  
Item ID: MY0035192017

PEJARAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT,  
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.  
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: setiahotline9@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 2

## {BISIK-BISIK}

HAMPIR Awang menitiskan air mata apabila melihat wajah hampa seorang lelaki kurang upaya, Ishak Alwi, sebaik mengetahui dia tidak memenuhi kelayakan Bantuan Sara Hidup (BSH).

Agak tidak masuk akal bagi lelaki yang kudung kedua-dua belah kakinya itu tidak tersenarai hanya kerana Ishak tidak berkeluarga dan tiada tanggungan.

Itu belum lagi bercerita tentang pelbagai syarat dan kelayakan yang perlu dipenuhi yang ada di antaranya menyusahkan pemohon.

Ada yang merasakan tindakan menyusahkan sebegini selain terdapat mereka yang tidak mendapat BSH walaupun jelas ketidakupayaan mereka, sebagai satu hukuman menyokong kerajaan sebelum ini.

Namun syabas kepada Kementerian Kewangan yang memberi respons segera untuk membantu memudahkan proses pendaftaran BSH selepas ini. Sebagai kerajaan

yang masih baharu, tindakan responsif dan segera terhadap aduan sebegini perlu dan sangat dihargai.

Ini kerana mereka yang memerlukan bantuan BSH ini adalah dari golongan yang benar-benar memerlukan dan terpalit penderitaan dan kesengsaraan akibat tekanan ekonomi dan pendapatan yang semakin tidak menentu terutama golongan petani, nelayan dan golongan miskin termasuk miskin bandar.

Maka langkah pantas Kementerian Kewangan membantu memudahkan proses BSH sebegini perlu dijadikan contoh tauladan setiap kementerian yang kini dipimpin Pakatan Harapan (PH).

Segeralah membantu mereka yang memerlukan dan keluarlah dari kerusi empuk untuk melihat sendiri kesengsaraan rakyat yang semakin terhimpit.

AWANG: Terus perjuang kesengsaraan rakyat



22 Feb 2019  
Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: Dlm Negeri • Page: 14 • Printed Size: 159.00cm<sup>2</sup>  
Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 3,142.53  
Item ID: MY0035192017

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT  
TINGKAT 4, BERSAMAAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.  
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: setiahs@nsy.gov.my



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2

## SUMMARIES

HAMPIR Awang menitiskan air mata apabila melihat wajah hampa seorang lelaki kurang upaya, Ishak Alwi, sebaik mengetahui dia tidak memenuhi kelayakan Bantuan Sara Hidup (BSH). Agak tidak masuk akal bagi lelaki yang kudung keduadua belah kakinya itu tidak tersenarai hanya kerana Ishak tidak berkeluarga dan tiada tanggungan. Itu belum lagi bercerita tentang pelbagai syarat dan kelayakan yang perlu dipenuhi yang ada di antaranya menyusahkan pemohon.



# Roboh pusat cuci kereta haram

Premis pernah dikompaun, di sita lima kali sebelum ini

NORAFIZA JAAFAR

KLUANG

**S**ebuah pusat cuci kereta diusahakan warga asing dirobohkan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) dalam operasi di Tasik Biru Kundang, semalam.

Premis yang bukan sahaja beroperasi secara haram, malah mengundang kepada risiko kesihatan apabila air cucian dibiar mengalir terus ke kawasan semak menyebabkan takungan air dan pembiakan jentik-jentik. Pengusaha menggunakan

kan generator untuk bekalan elektrik sementara sumber air pula tidak dapat dipastikan diperoleh dari sumber mana.

Penolong Pegawai Penguatkuasa MPS, Megat Ainul Fadzil Ainul Fadzil berkata, premis tersebut telah diambil tindakan kompaun dan sitaan sebanyak lima kali termasuk dua kali pada tahun ini.

Namun, tindakan itu tidak menyekat pengusaha meneruskan operasi hingga MPS terpaksa mengambil tindakan lebih tegas.

"Notis pengosongan telah diberikan sejak dua minggu lalu sebelum operasi meroboh premis yang beroperasi sejak tiga tahun lalu di atas tanah persendirian kita jalankan hari ini (semalam).

"Operasi dilakukan selepas isu dibangkitkan



MEGAT

dalam mesyuarat selepas berdepan beberapa masalah termasuk halangan dan pen-cerobohan," katanya.

Megat berkata, terdapat permohonan permit dibuat untuk mengendalikan pusat cuci kereta itu secara sah namun ditolak.

"Ia mengambil kira aspek kebersihan selain kawasan itu sepatutnya dijadikan tempat letak kereta awam kerana



Struktur pusat cuci kereta dirobohkan selepas masih beroperasi walaupun dikenakan tindakan sitaan dan kompaun.

kedudukannya yang bersebelahan lokasi riadah Tasik Biru Kundang.

"Peralatan cuci kereta

bernilai RM2,000 turut disita dalam operasi tersebut.

Pemantauan berkala akan

semasa untuk memastikan tiada pencerobohan berulang dilakukan di kawasan itu," katanya.

—



22 Feb 2019  
Sinar Harian, Malaysia

Author: Norafizajaafer • Section: Selangor & KL • Page: 19 • Printed Size: 349.00cm<sup>2</sup>  
Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 5,953.13  
Item ID: MY0035189424

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT  
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.  
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: sektahselangor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2

## SUMMARIES

Premis pernah dikompaun, di sita lima kali sebelum ini KLUANGSebuah pusat cuci kereta diusahakan warga asing dirobohkan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) dalam operasi di Tasik Biru Kundang, semalam.Premis yang bukan sahaja beroperasi secara haram, malah mengundang kepada risiko kesihatan apabila air cucian dibiar mengalir terus ke kawasan semak menyebabkan takungan air dan pemberian jentik-jentik.Pengusaha menggunakan generator untuk bekalan elektrik sementara sumber air pula tidak dapat dipastikan diperoleh dari sumber mana.



22 Feb 2019  
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Selangor & KL • Page: 20  
Printed Size: 281.00cm<sup>2</sup> • Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color  
ASR: MYR 4,793.00 • Item ID: MY0035189473

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR  
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT  
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,  
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.  
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569  
Email: setiahs@selangor.gov.my



**isentia.mediaportal**

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 2

# LZS biaya pembedahan

**Bantuan segera  
RM500 turut disalur  
kepada keluarga**

NORAFIZA JAAFAR

SUNGAI BULOH

**L**embaga Zakat Selangor (LZS) akan membiayai kos pembedahan Azalea Hani Abdul Rahim, 5 tahun, hari ini.

Azalea yang melecur anggota badan selepas terkena sambal popia mendidih mendapat perhatian masyarakat selepas kisahnya perlu dana RM20,000 untuk jalani pembedahan ditularkan media sosial sejak semalam.

Ketua Pegawai Penyelaras LZS, Abdul Basith Hamid berkata, pembiayaan bantuan itu di bawah Tabung Kebajikan Pesakit Zakat Selangor.



Pertemuan pegawai LZS dengan ibu Azalea (kiri), semalam.



KeadAaan  
Azalea  
seperi  
ditularkan.

"Tabung Kebajikan Pesakit Zakat Selangor merupakan inisiatif LZS dengan kerjasama 18 buah hospital dan institut perubatan sekitar Selangor dan Kuala Lumpur bagi meringankan beban pesakit Islam yang kurang berkemampuan dan memerlukan kos pembiayaan bagi menjalani rawatan di hospital, di samping memudahkan urusan permohonan bantuan pesakit," katanya.

Katanya, bantuan kecemasan

sebanyak RM500 kepada keluarga melalui ibunya, Zalida Syuhana Ahmad Tamam turut disalurkan semalam bagi meringankan bebaninya berulang-alik ke hospital.

"Pihak LZS akan terus melaksanakan pemantauan terhadap keluarga ini dan bantuan zakat lain akan disalurkan berdasarkan kepada keperluan mereka bergantung kepada syarat dan kelayakan," katanya.

Dalam perkongsian di laman sosial yang ditularkan, insiden menimpa anak bongsu dari tiga beradik berlaku di rumah ibu saudaranya di Bandar Tasik Puteri Rawang pada 7 Februari lalu.

Sebanyaklima kali pembedahan telah dijalani mangsa bagi pemulihan dan bakal menjalani satu lagi pembedahan pada esok bagi membuang kulit mati di sebuah hospital awam di sini.



22 Feb 2019

Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Selangor & KL • Page: 20  
Printed Size: 281.00cm<sup>2</sup> • Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color  
ASR: MYR 4,793.00 • Item ID: MY0035189473



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2

## SUMMARIES

Lembaga Zakat Selangor (LZS) akan membiayai kos pembedahan Azalea Hani Abdul Rahim, 5 tahun, hari ini. Azalea yang melecur anggota badan selepas terkena sambal popia mendidih mendapat perhatian masyarakat selepas kisahnya perlu dana RM20,000 untuk jalani pembedahan ditularkan media sosial sejak semalam. Ketua Pegawai Penyelaras LZS, Abdul Basith Hamid berkata, pembiayaan bantuan itu di bawah Tabung Kebajikan Pesakit Zakat Selangor.



Author: No author available • Section: Nasional • Page: 12 • Printed Size: 162.00cm<sup>2</sup>  
 Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 2,763.00  
 Item ID: MY0035189510



Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

## Keputusan kes diketahui hari ini

KUALA LUMPUR - Keputusan kes melibatkan Exco Pemuda UMNO, Wan Muhammad Azri Wan Deris atau Papagomo yang dikatakan menyerang Menteri Belia dan Sukan, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman dijangka diketahui hari ini.

Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Noor Rashid Ibrahim berkata, Papagomo sebelum ini telah direman dan dalam tempoh itu, polis telah menjalankan soal siasat, rakam percakapan dan barisan pengecaman.

Menurutnya, proses siasatan itu telah selesai dilakukan sebelum Papagomo diberi jamin polis.

"Kertas siasatan dibawa kertas siasatan ke Timbalan Pendakwa Raya. Kita akan tunggu keputusan sama ada perlu menjalankan siasatan atau terus tindakan pendakwaan," katanya pada sidang media selepas Majlis Istiadat Penganugerahan Pingat Jasa Pahlawan Negara (PJPN) Kontinjen Kuala Lumpur, di Pulapol, semalam.

Noor Rashid berkata, berkaitan insiden itu, dua kertas siasatan telah dibuka iaitu pertama, berhubung laporan yang mendakwa serangan yang dilakukan Papagomo.

"Kedua, laporan polis di mana beberapa anggota polis trafik bertugas yang

 *Selain itu, polis juga turut merakam keterangan beberapa individu berhubung insiden itu,"*

- Noor Rashid

diserang semasa hendak mengawal keadaan kerana melakukan serangan terhadap penjawat awam semasa menjalankan tugas.

"Selain itu, polis juga turut merakam keterangan beberapa individu berhubung insiden itu," katanya.

Pada 16 Februari lalu, Syed Saddiq mendakwa diserang sekumpulan penyokong pembangkang selepas tamat penaamaan calon PRK DUN Semenyih.

Serangan provokasi itu didakwa berlaku sebaik beliau keluar dari pusat penaamaan calon PRK DUN Semenyih yang berlangsung di Dewan Seri Cempaka Majlis Perbandaran Kajang (MPKj), Kajang.

Satu laporan polis berkaitan serangan itu dibuat Syed Saddiq di Balai Polis Sungai Way, Petaling Jaya, pada petang hari kejadian.



22 Feb 2019  
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 12 • Printed Size: 162.00cm<sup>2</sup>  
Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 2,763.00  
Item ID: MY0035189510



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2

## SUMMARIES

KUALA LUMPUR - Keputusan kes melibatkan Exco Pemuda UMNO, Wan Muhammad Azri Wan Deris atau Papagomo yang dikatakan menyerang Menteri Belia dan Sukan, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman dijangka diketahui hari ini. Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Noor Rashid Ibrahim berkata, Papagomo sebelum ini telah direman dan dalam tempoh itu, polis telah menjalankan soal siasat, rakam percakapan dan barisan pengecaman. Menurutnya, proses siasatan itu telah selesai dilakukan sebelum Papagomo diberi jamin polis.



# Jangan remehkan pengajaran Everest



**G**unung Everest sentiasa mengundang keterujaan kepada pendaki yang mahu menaklukinya. Ada yang menaklukinya demi kemasyhuran, nama dan pujian. Tidak kurang yang mahu memanjat Gunung Everest – gunung tertinggi di dunia - demi kepuasan tersendiri.

Di Malaysia sendiri, ada penggiat tegar yang sentiasa mahu mendaki Gunung Everest. Namun, penulis agak marah berbaru kecewa apabila membaca laporan BBC News siaran 5 Februari lalu.

Laporan tersebut menyebut Kerajaan China telah menutup kem asas Gunung Everest di bahagian negara itu yang berada pada ketinggian 6,000 meter (17,060 kaki) kepada pelawat yang tidak mempunyai permit pendakian demi menangani masalah pembuangan sampah yang kritikal.

Persatuan Pendaki China (CMA) mendedahkan lebih 40,000 penda-

ki telah sampai di kem pangkalannya pada 2015. Jumlah tersebut terus meningkat tahun demi tahun. Kem pendakian ke Gunung Everest merentasi pangkalan Tibet China sangat popular kerana ia boleh diakses dengan memandu kereta. Sedangkan kem Nepal hanya dapat dipanjang dengan pendakian hampir dua minggu.

Laporan BBC News menyatakan tiga operasi pembersihan musim bunga tahu lalu telah berjaya menutup 8 tan metrik sisa sampah, termasuk najis manusia dan peralatan yang ditinggalkan di persekitaran gunung berkenaan.

Jelas sekali, kem asas di bawah kaki Gunung Everest kini menjadi tempat pembuangan. Sebelum ini, dianggarkan 16 tan metrik sampah dikeluarkan daripada gunung tersebut. Penulis percaya yang mahu menakluki Gunung Everest datang daripada pelbagai latar belakang berbeza. Tapi, pasti ada persamaannya iaitu mereka ada akal dan fikiran.

Penjagaan alam sekitar perlu ditangani secara bersungguh-sungguh sejarah dengan perkembangan pertambahan penduduk atas dua

sebab utama. Pertama, krisis yang sedang mengancam kelangsungan hidup manusia dan hidupan lain. Dengan bertambahnya penduduk perluanya menjaga alam sekitar kian bertambah.

Hasil sisa buangan dan kumbahan juga sentiasa bertambah tetapi pada masa sama, kesedaran tentang perluanya menjaga alam sekitar kian diabaikan.

Perkara ini berlaku kerana sikap manusia yang sombong dan sikap tidak bertanggungjawab sebagai mana pesanan ALLAH SWT dalam Surah Al-Isra' [17:37] bermaksud: "Dan janganlah kamu berjalan di muka bumi ini dengan sombong, kerana sesungguhnya kamu sebagaimana menjaga alam sekitar sebanyak 16 kali dalam al-Quran. Oleh yang demikian, penulis ingin memberi pesanan kepada masyarakat supaya bertindak waras dan rasa bertanggungjawab untuk menjaga persekitaran muka bumi Malaysia ini."

Dalam Surah Al-Qashash [28:77], ALLAH dengan jelas menyampaikan maksud-Nya: "Dan carilah pada apa yang telah dianugerahkan ALLAH kepadamu (keba-hagiaan) negeri akhirat, dan janganlah kamu melupakan bahagian mudari (kenikmatan) dunia ini dan berbuat baiklah (kepada orang lain) sebagaimana ALLAH telah berbuat baik kepadamu, dan janganlah kamu berbuat kerosakan di (muka) bumi. Sesungguhnya ALLAH tidak menyukai orang-orang yang berbuat kerosakan".

(timbulnya yang demikian) kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan buruk mereka telah dilakukan, supaya mereka kembali (insaf dan bertaubat)."

